

## NASAL HOMORGANIK DALAM DIALEK MELAYU SEMENANJUNG

Mohd Tarmizi bin Hasrah

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah  
Universiti Utara Malaysia

Corresponding Author : [h.tarmizi@uum.edu.my](mailto:h.tarmizi@uum.edu.my)

### ABSTRAK

Gejala nasal homorganik dalam dialek-dialek Melayu di Semenanjung bukanlah satu gejala terpencil kerana deskripsi mengenainya memang sudah kerap dilakukan, dan antara pengkaji yang paling awal melakukannya ialah Nik Safiah (1966, 1967). Walau bagaimanapun, dokumentasi dan pemerian yang sedia ada ini memperlihatkan kekurangan dari dua segi: (i) tidak menyeluruh kerana hanya terbatas pada dialek-dialek tertentu; dan, (ii) analisisnya tidak berupaya menyerahkan hubungan sejarawi yang boleh menjadi dasar kepada penentuan hipotesis tentang asal usul gejala tersebut, dan kemungkinan kewujudan rangkaianya, kerana terhad kepada aspek sinkronik. Makalah ini adalah satu usaha untuk menangani kedua-dua kekurangan yang dinyatakan ini. Maka, yang dibincangkan di sini ialah satu tinjauan yang bersifat umum mengenai penyebaran nasal homorganik dalam dialek-dialek Melayu yang terdapat di Semenanjung. Setelah memaparkan gejala tersebut secara deskriptif, makalah ini berusaha untuk tiba pada pemaparan mengenai perkembangan nasal homorganik, seperti yang diperlihatkan oleh dialek-dialek yang dikaji. Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, makalah ini menerapkan pendekatan dialektologi diakronik yang secara khusus memberi keutamaan kepada aspek inovasi dan retensi. Makalah ini menarik satu kesimpulan penting bahawa rumus nasal homorganik yang dicadangkan oleh para pengkaji lampau gagal beroperasi dalam beberapa kes, khususnya di Hulu Pahang. Selain itu, makalah ini juga mendapati bahawa gejala nasal homorganik berupaya menyerahkan perkembangan dialek-dialek Melayu di Semenanjung secara bertahap. Dapatkan kedua ini bermaksud dialek-dialek ini membentuk satu rantai sambung-menyambung, maka menolak pengelompokan berdasarkan rajah pohon.

**Kata kunci :** dialek Melayu, dialektologi, Semenanjung, nasal homorganik, pengelompokan dialek

## ***Homorganic Nasal Process of Malay Dialects in Malay Peninsula***

### ***Abstract***

*The homorganic nasal process of Malay dialects in the Peninsula is not an isolated phenomenon because it has been studied extensively, primarily by Nik Safiah (1966, 1967). However, the existing studies at least contain two weaknesses, i.e. (i) they solely focus on certain dialects; and (ii) they do not touch on important issues that are related to historical conclusion. This article is one of the efforts to address the aforementioned weaknesses. In doing so, it presents a bird's-eye view by focusing on the distribution of the homorganic nasal process in the Malay Peninsula before proceeding to discuss its evolution. To reach these goals, this article applied the dialectology diachronic approach using innovation and retention as analytical tools. This article comes up with a conclusion which contradicts the previous researches about the homorganic nasal rules. The findings correspond to the inability of the existing rules to explain the evolution of homorganic nasal in a number of dialects, especially the Hulu Pahang dialect. In addition, the article also finds that the homorganic nasal process gradually evolves from one dialect to another. The study also concludes that the Malay dialects in the Peninsula are formed by a chain of network, which defies the traditional Malay dialect classification using tree models.*

**Keywords:** Malay dialect, dialectology, Peninsula, homorganic nasal, dialect classification

## **1.0 PENDAHULUAN**

Salah satu gejala fonologi yang terjadi dalam dialek Melayu, khususnya di Semenanjung, yang sudah barang tentunya sangat menarik untuk dikaji ialah nasal homorganik. Faktanya, gejala nasal homorganik dikatakan bersifat natural atau alamiah (Zaharani, 2004: 716). Pertamanya adalah kerana gejala ini dihubungkan dengan proses fonologi yang digelar sebagai asimilasi nasal. Keduanya pula adalah kerana gejala ini muncul hampir dalam semua bahasa di dunia. Jadi, nasal homorganik tidak bersifat terpencil.

Gejala nasal homorganik dalam dialek Melayu di Semenanjung pun demikian juga, yakni memiliki struktur yang sekata dan boleh dijelaskan menerusi proses asimilasi nasal. Walau bagaimanapun, terdapat juga dialek yang menunjukkan penyimpangan daripada struktur yang dikatakan sebagai sekata itu. Sebagaimana yang akan dibincangkan nanti, walaupun masih lagi berupaya dijelaskan dengan asimilasi nasal tetapi nasal homorganik dalam dialek tersebut menunjukkan proses fonologi yang lebih rumit yang menggabungkan unsur intralinguistik dan ekstralinguistik sekali gus.

Penyimpangan yang dimaksudkan di atas mungkin hanya muncul dalam satu atau dua dialek tertentu, dengan hanya melibatkan satu atau dua segmen bunyi yang tertentu pula. Namun begitu, keterbatasan kemunculannya yang hanya melibatkan satu dua dialek dengan satu dua segmen bunyi tersebut tetap juga memainkan peranan yang sangat penting khususnya jikalau ditinjau daripada dua segi. Pertamanya adalah sebagai *counter example*, kalaupun bukan anomali, kepada generalisasi yang sedia ada yang dirumuskan/disusunaturkan hanya berdasarkan maklumat daripada beberapa dialek yang tertentu. Yang kedua pula adalah kemunculan strukturnya yang tidak menyeluruh di Semenanjung dapat pula mempengaruhi pengelompokan dialek di kawasan tersebut seperti yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam makalah ini nanti.

Walaupun penyebaran gejalanya adalah seperti yang dihuraikan di atas, namun fakta yang perlu diakui ialah dokumentasi dan pemerian mengenai gejala nasal homorganik dalam dialek Melayu di Semenanjung sememangnya sudah agak kerap dilakukan oleh para pengkaji. Antara pengkaji yang paling awal menekuninya ialah Nik Safiah (1966, 1967). Dalam kedua-dua makalah tersebut, Nik Safiah memberi penekanan khusus terhadap fenomena nasal homorganik dalam dialek Melayu Kelantan. Walau bagaimanapun, dokumentasi dan pemerian yang dilakukannya memperlihatkan beberapa kelemahan, dan ini dapat diperhatikan sekurang-kurangnya dari dua segi.

Kelemahan pertama ialah analisis yang tidak menyeluruh kerana hanya terbatas kepada dialek Melayu Kelantan. Kelemahan kedua pula ialah analisisnya tidak berupaya menyerlahkan hubungan sejarawi yang berupaya menjadi dasar kepada penentuan hipotesis tentang asal usul pembentukan gejala tersebut, selain berupaya pula untuk membongkar kemungkinan kewujudan rangkaian gejalanya yang saling terkait dalam suatu rantai dialek. Kelemahan yang kedua ini, dengan kata lain, terjadi disebabkan sandaran analisis yang hanya terhad pada aspek sinkronik. Maksudnya, yang ditumpukan oleh Nik Safiah hanyalah pemerian rumus dan struktur pembentukan nasal homorganik, tetapi tidak pula dilanjutkan penganalisisannya bagi menjawab pertanyaan bagaimakah gejala tersebut muncul secara diakronik?

Makalah ini adalah satu usaha untuk menangani kedua-dua kekurangan yang dinyatakan di atas. Maka, perbincangan yang dipaparkan dalam makalah ini ialah satu tinjauan yang bersifat umum mengenai penyebaran nasal homorganik dalam dialek-dialek Melayu yang terdapat di Semenanjung. Yang dimaksudkan dengan tinjauan yang bersifat umum adalah suatu tinjauan

yang memanfaatkan data daripada hampir kesemua dialek Melayu yang terdapat di Semenanjung. Kemudian, setelah memaparkan gejala tersebut secara deskriptif, makalah ini berusaha pula untuk tiba pada penjelasan mengenai jalur perkembangannya, atau jalur evolusinya, seperti yang diperlihatkan oleh dialek yang dikaji. Penerokaan terhadap jalur perkembangan ini dilakukan atas tujuan untuk menjawab persoalan mengenai asal usul pembentukan nasal homorganik.

Secara umum, makalah ini menarik satu kesimpulan penting bahawa rumus dan struktur nasal homorganik yang dicadangkan oleh para pengkaji lampau sebenarnya gagal beroperasi dalam beberapa kes; dan kes yang diketengahkan di sini ialah gejala nasal homorganik yang dikesan wujud di Hulu Pahang, yakni dalam subdialek Budu dan kawasan-kawasan di sekitarnya; lihat Mohd Tarmizi (2019) untuk analisis yang lebih menyeluruh mengenai subdialek ini. Selain itu, makalah ini juga mendapati bahawa nasal homorganik sebenarnya berupaya menyerlahkan perkembangan dialek Melayu di Semenanjung secara bertahap. Dapatkan kedua ini bermaksud dialek Melayu Semenanjung membentuk satu rantaian yang sambung-menyambung. Yang kedua ini memungkinkan adanya penolakan terhadap pengelompokan sedia ada yang asasnya disandarkan kepada rajah pohon semata-mata.

## **2.0 SECERCAH MATA MENGENAI KONSEP NASAL HOMORGANIK**

Nasal homorganik merujuk kepada kewujudan dua segmen bunyi konsonan yang hadir secara bersebelahan, tetapi kedua-duanya membentuk suku kata yang berbeza. Umpamanya, sam- + -pah menjadi [sampah]. Dalam contoh ini, konsonan bersebelahan tetapi dalam suku kata berbeza yang dimaksudkan ialah -mp-. Dalam struktur nasal homorganik, segmen pertamanya mestilah konsonan nasal, manakala segmen kedua pula terdiri daripada konsonan letusan dan letusan ( $\pm$ suara). Atau, jikalau menggunakan istilah fonologi, semua konsonan ini merujuk kepada konsonan obstruen. Oleh sebab itu, nasal homorganik lazim dirujuk sebagai rangkap nasal-obstruen. Maksudnya, rangkap nasal-obstruen ini mestilah berada di titik artikulasi yang sama lantas membolehkannya diistilahkan sebagai berhomorgan. Sebagai contoh, dalam bahasa Melayu, terdapat perkataan seperti yang berikut:

[tampar] ‘tampar’

[temba?] ‘tembak’  
[təndəŋ] ‘tendang’  
[təntaŋ] ‘tentang’  
[kəŋcaŋ] ‘kencang’  
[panjan] ‘panjang’  
[paŋkas] ‘pangkas’  
[taŋga] ‘tangga’

Dalam contoh yang diberikan ini, konsonan nasal (iaitu m, n, ŋ dan ɳ) yang hadir sebelum konsonan letupan (iaitu p, b, t, d, k dan g) serta konsonan letusan (iaitu c dan j) lalu membentuk rangkap nasal-obstruen (iaitu -mp-, -mb-, -nt-, -nd-, -ŋk-, -ŋg-, -ŋc- dan -ŋj-) ialah nasal homorganik. Dari segi konvensi singkatan rumus deskriptif struktural, nasal homorganik sering diungkapkan hanya sebagai -NK-, dengan N mewakili konsonan nasal, dan K mewakili konsonan letupan dan letusan bersuara dan tidak bersuara (atau konsonan obstruen); untuk model rumus fonologi asimilasi nasal beraliran generatif, lihat Farid (1980).

Seperti yang dinyatakan sepantas lalu dalam bahagian pengenalan bahawa gejala nasal homorganik dalam dialek Melayu Semenanjung memang sudah banyak didokumentasikan. Kesemua dokumentasi berkenaan dapat dibahagikan kepada dua kelompok, yakni kelompok yang berteraskan deskriptif-struktural dan kelompok deskriptif-generatif. Kelompok yang pertama tertumpu pada pemerian gejala nasal homorganik yang bertujuan untuk menerbitkan struktur yang melatari pembentukannya. Pemerian seperti ini dapat dilihat umpamanya dalam Nik Safiah (1966, 1967) itu, selain Asmah (2008) dan Mohd Tarmizi (2018).

Kelompok yang kedua pula berfokuskan pada pemerian proses fonologi yang mendasari pembentukan nasal homorganik menerusi gejala asimilasi nasal. Pemerian kelompok ini memang bersifat deskriptif, tetapi dengan landasan yang lebih bernuansa teoretis beraliran Chomskyan (generatif) dan neo-Chomskyan (yang merujuk kepada teori-teori yang terbit pasca generatif *a la* SPE seperti autosegmental, optimaliti dan lain-lainnya) seperti yang dapat dilihat antaranya dalam kajian klasik Farid (1980) dan Noor Azureen & Sharifah Raihan (2017) yang secara khusus memfokuskan pada asimilasi nasal homorganik dalam dialek Melayu Saribas.

Sama ada dapatan yang ditampilkan oleh kelompok pertama ataupun kelompok kedua, satu fakta yang pasti ialah nuansa diakronik nasal homorganik dalam dialek Melayu di

Semenanjung masih belum terserlah. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian kelompok pertama dan kedua terhenti pada takat analisis sinkronik. Penumpuan pada aspek sinkronik membuatkan pertanyaan mengenai status nasal homorganik sama ada sebagai inovasi mahupun sebagai retensi masih belum jelas. Ketidakjelasan ini membawa pula kepada permasalahan dalam aspek pengelompokan dialek di Semenanjung jikalau bersandarkan kepada gejala tersebut. Persoalan khusus yang perlu ditanyakan mengenai perkara ini ialah bolehkah nasal homorganik digunakan sebagai salah satu aspek linguistik yang berupaya menyerlahkan perbezaan antara dialek Melayu yang tersebar sekurang-kurangnya di Semenanjung? Seperti yang akan dibincangkan nanti, makalah ini memberikan jawapan yang positif.

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Bagi meneroka isu yang dibangkitkan di atas dengan lebih saksama agar dapat tiba pada matlamat yang digariskan, maka huraian mengenai metodologi sangat penting. Terdapat dua perkara yang dibincangkan dalam bahagian ini, iaitu pengumpulan data dan pendekatan yang digunakan bagi menganalisis gejala nasal homorganik.

#### **3.1 Pengumpulan Data**

Data yang digunakan dalam kajian ini melibatkan data primer dan data sekunder. Data primer merujuk kepada data yang dikumpulkan di lapangan. Pengumpulannya dilakukan secara berkala, yakni antara tahun 2008 hingga pertengahan bulan Januari 2020. Kawasan yang dikunjungi ialah Hulu Pahang, Hulu Tembeling, Hulu Kelantan, Pasir Puteh, Hulu Terengganu, Hulu Dungun,<sup>1</sup> Kuala Terengganu dan Sintok; lihat Jadual 1 (Mohd Tarmizi, Rahim & Shahidi, 2014; Mohd Tarmizi, 2018a, t.t.).

Daftar kata yang digunakan untuk pengumpulan data primer agak pelbagai, tetapi asasnya ialah daftar kata Swadesh sebanyak 200 item yang telah disesuaikan. Juga, daftar kata yang digunakan oleh Collins dan kawan-kawan untuk kajian di Borneo tetapi disesuaikan bagi kajian

<sup>1</sup> Kajian lapangan yang dilakukan di Pasir Raja dilakukan di bawah projek penyelidikan *Dialek Melayu di Pasir Raja: Pemerian Fonologi dan Hubungannya Dengan Dialek Melayu Semenanjung Timur*. Projek ini didanai oleh Universiti Utara Malaysia di bawah Geran Kolej (Kod SO: 14266). Pengkaji mengucapkan terima kasih kepada UUM atas dana yang diberikan.

di Semenanjung; lihat antaranya daftar kata yang dilampirkan dalam Collins (1987). Di Hulu Pahang umpamanya, item yang terdapat dalam daftar kata mencecah 640; sedangkan item yang digunakan di Kuala Terengganu hanya berjumlah 230. Selain itu, jumlah item yang terdapat dalam daftar kata yang digunakan di Pasir Raja pula ialah 600, berserta 4 jam rakaman perbualan (Mohd Tarmizi, t.t.). Perlu dinyatakan bahawa walaupun jumlah item dalam daftar kata adalah pelbagai, perkara ini sudah pastinya tidak menunjukkan kelemahannya. Hal ini dikatakan demikian kerana gejala linguistik yang dianalisis ialah nasal homorganik, dan gejala ini hanya memiliki sejumlah 25% daripada keseluruhan item daftar kata.

Jadual yang berikut memuatkan maklumat mengenai semua kampung yang dikunjungi dan jumlah item yang digunakan dalam daftar kata.

**JADUAL 1:** Kampung yang dikunjungi dan jumlah item daftar kata

LOKASI	KAMPUNG	ITEM DAFTAR KATA
Hulu Pahang	Sentang, Budu	640
Hulu Tembeling	Bantal, Gusai	400
Pasir Puteh, Kelantan	Gaal	300
Hulu Kelantan	Kuala Betis, Bertam, Pasir Tumbuh	400
Kuala Terengganu	Beladau Selat	250
Hulu Terengganu	Dusun, Buluh	270
Hulu Dungun	Pasir Raja, Shukor, Jongok Batu	600
Kubang Pasu, Kedah	Sintok, Jitra, Bukit Kayu Hitam	250

Data sekunder pula ialah data yang diambil daripada dokumentasi yang sedia ada. Antaranya dokumentasi yang menyediakan sumber data ialah Collins (1983a, 1983b, 1996), Ajid (1985) dan Abdul Hamid (2006). Ini termasuk juga siri glosari dialek-dialek Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu:

- i. Glosari dialek Melayu Kedah
- ii. Glosari dialek Melayu Melaka
- iii. Glosari dialek Melayu Perak

- iv. Glosari dialek Melayu Pahang
- v. Glosari dialek Melayu Negeri Sembilan

### **3.2 Pendekatan Analisis**

Kajian ini bernuansa deskriptif-struktural yang terbenam dalam danau sinkronik dan diakronik sejajar dengan matlamat kajian dialek yang lama dahulu sudah digariskan oleh Nothofer (1993). Deskriptif struktural bermaksud pemerian struktur nasal homorganik secara “apa adanya”, yakni memaparkan fakta-fakta linguistik seperti yang dituturkan dalam situasi penggunaan bahasa alamiah dan secara *real-time* tanpa mengaitkannya dengan elemen transformasi seperti bentuk dalaman dan bentuk luaran. Deskriptif struktural ini dengan kata lainnya bersinonim dengan deskriptif sinkronik atau *structural dialectology* (Moulton, 1968).

Berbeza dengan sinkronik, diakronik bertujuan untuk meneroka masa silam fakta-fakta linguistik yang dikaji. Jikalau ditinjau dari segi diakronik, analisis kajian ini berdasar atas dua tujuan. Pertama, menganalisis asal usul nasal homorganik. Kedua, penjejakan asal usul nasal homorganik berhujung pada dua titik akhir, iaitu pengelompokan dan pembongkaran inovasi secara bertahap.

Sehubungan dengan itu, terdapat dua pendekatan analisis yang diterapkan oleh makalah ini kerana objektifnya mengandungi dua tahap, iaitu pemerian aspek fonologi dan perkembangannya.

Dari segi pemerian fonologi, makalah ini menerapkan pendekatan dialektologi diakronik yang berdasarkan pada satu prinsip khas, yakni perkembangan bahasa/dialek cocok dengan analogi gelombang. Maksudnya, terdapat titik mula dalam perubahan linguistik, dan seterusnya berdifusi dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Difusi dalam konteks seperti ini membayangkan bahawa perkembangan, perubahan atau difusi linguistik didorongi oleh sebab internal (struktural) dan eksternal (sosial) (Trudgill, 2011). Dengan kata lain, dorongan perubahan yang paling utama ialah linguistik. Maka, setiap perkembangannya pasti meninggalkan jejak struktural yang boleh ditonjolkan secara sistematik menerusi penerbitan

rumus linguistik. Jejak ini bagaimanapun turut meninggalkan puing-puing pada tanaman sosial yang juga berguna bagi merungkaikan alur perkembangan aspek fonologi yang diperikan.

Dari segi pengelompokan, aspek inovasi dan retensi menjadi tunjangnya (Crowley & Bowern, 2010). Asas pengelompokan ialah asas inovasi bersama. Pemisahan tidak dilihat dalam maksud yang diskrit, yakni setiap satu inovasi dalam satu dialek berbeza secara tegas dengan inovasi dalam dialek yang lain, seperti yang dibayangkan oleh rajah pohon. Pengelompokan yang dicadangkan di sini ialah yang bercorak rantaian, walaupun dipaparkan dalam bentuk rajah pohon. Maksud bercorak rantaian di sini ialah setiap satu inovasi dialek bermula dan mempengaruhi inovasi dalam dialek yang lain.

#### **4.0 STRUKTUR NASAL HOMORGANIK SUBDIALEK MALAYIK SEMENANJUNG**

Otto Dempwolff (dlm. Blust, 2013) merekonstruksi ‘*Proto Indonesian*’ dalam beberapa bentuk kanon (*canonical shape*) yang berperanan sebagai kata asas/akar bahasa purba tersebut. Antara bentuk kanon yang cocok dengan perbincangan makalah ini ialah KVKKVK dan KVKKV (K = konsonan, V = vokal). Contoh etimon yang telah direkonstruksi oleh Dempwolff berdasarkan bentuk kanon ini ialah \*ambi’ (lambang ’ merujuk kepada konsonan hentian).

Dalam bentuk kanon ini, deretan konsonan yang berada di tengahnya, iaitu yang dilambangkan oleh -KK-, sebenarnya merujuk kepada dua gejala, iaitu nasal heteorganik dan nasal homorganik, tetapi yang menjadi fokus di sini ialah gejala yang kedua.

Ternyata nasal homorganik bukanlah gejala yang asing dalam bahasa-bahasa Austronesia, termasuklah dalam kelompok bahasa Malayik yang di dalamnya terkandung bahasa Melayu dan dialek-dialeknya. Buktinya terkandung dalam Adelaar (1992).

Rekonstruksi yang dilakukan oleh Dempwolff memberi ilham kepada pengkaji kemudian untuk merekonstruksi gejala yang sama khususnya dalam *Proto-Malayic*. Dalam disertasi kedoktoran yang diterbitkan pada tahun 1992, Adelaar (1992:80) ada menyatakan bahawa Proto-Malayik (PM) memiliki dua bentuk konsonan yang tercakup di bawah payung istilah *preconsonantal nasal*, iaitu *homorganic nasal* dan *heterorganic nasal* – sama seperti Dempwolff.

Menurut Adelaar (1992:2), salah satu inovasi dalam PM daripada bahasa Melayu Polinesia Purba atau bahasa Austronesia purba yang direkonstruksi oleh Dempwolff ialah “*heterorganic nasal + stop clusters became homorganic nasal + stop clusters.*” Maka, inovasi inilah yang menjadi asas rekonstruksi etimon PM yang dibuat berdasarkan enam isolek (istilah yang digunakan oleh Adelaar bagi mengendurkan perbezaan bahasa dengan dialek), iaitu bahasa Melayu, Banjar Hulu, Serawai, Minangkabau, Melayu Jakarta dan Iban. Yang berikut ialah rekonstruksi homorganik nasal dalam PM:

\*m sebelum \*p dan \*b = \*mp dan \*mb

\*n sebelum \*d dan \*t = \*nd dan \*nt

\*ŋ sebelum \*j dan \*c = \*nj dan \*nc

\*ɳ sebelum \*g dan \*k = \*ŋg dan \*ŋk

Contoh:

\*əmpat ‘empat’

\*tambah ‘tambah’

\*pindah ‘pindah’

\*gantuŋ ‘gantung’

\*injəm ‘pinjam’

\*kaŋciŋ ‘kancing’

\*taŋga? ‘tangga’

\*laŋkah ‘langkah’

Rekonstruksi bahasa Malayik purba berserta contoh yang dikemukakan oleh Adelaar di atas menunjukkan bahawa bahasa purba yang menjadi induk kepada bahasa Melayu dan dialek-dialeknya memiliki lapan jenis nasal homorganik. Berdasarkan dokumentasi dan pemerian dialek-dialek Melayu di Semenanjung yang sedia ada pula, ditambah dengan data yang dikumpulkan di lapangan, jelas memperlihatkan bahawa semua bentuk nasal homorganik bahasa

Malayik purba ini mengalami retensi dan inovasi sekali gus. Retensi dan inovasi yang dimaksudkan ini dapat dirumuskan seperti yang berikut:<sup>2</sup>

- i. \*NK > NK
- ii(a). \*NK > ØK
- ii(b). \*NK > KØ

Retensi dan inovasi yang dibayangkan oleh rumus di atas sebenarnya dapat dikaitkan dengan pengelompokan dialek Melayu di Semenanjung. Dalam hal ini, rumus i diwakili oleh subdialek Malayik yang dituturkan di bawah Cabang Semenanjung Selatan dan Cabang Semenanjung Utara, manakala rumus ii (a) dan (b) diwakili oleh subdialek Malayik yang terdapat di sebelah pantai timur Semenanjung, atau yang dikelompokan sebagai Cabang Semenanjung Timur (Collins, 2016). Contoh-contoh yang cocok dengan rumus yang diberikan ini adalah seperti yang dipaparkan di bawah:

#### Cabang Semenanjung Selatan

\*mb > Muar [nəmba?] ‘tembak’, Jugra [yambut] ‘rambut’, Melaka [umbay] ‘air yang surut’, Negeri Sembilan [bəumbay umbay] ‘berayun-ayun’

\*mp > Muar [səmpet] ‘sempit’, Jugra [sampe] ‘sampai’, Melaka [empaŋ alaŋ] ‘ingat-ingat lupa’, Negeri Sembilan [bəkampəŋ] ‘berkumpul’

\*nt > Jugra [antah] ‘antah’, Melaka [duyian gantaŋ] ‘durian besar’, Negeri Sembilan [bentoŋ] ‘bantut’

\*nd > Jugra [bandəŋ] ‘bandar’, Melaka [andaw] ‘sia-sia’, Negeri Sembilan [bandan] ‘penyakit pada kerbau’

---

<sup>2</sup> Konvensi lambang: N = nasal; K = konsonan; Ø = segmen yang digugurkan.

\*ŋc > Jugra [məmən̩ce<sup>o</sup>] ‘memancarkan’, Melaka [bəŋcah] ‘cecair yang merebak atas permukaan’, Negeri Sembilan [bəŋçəncay] ‘air mata bercurahan’

\*ŋj > Muar [ŋjaet] ‘menjahit’, Melaka [bəbaŋjaw] ‘anggaran pada barang-barang’, Negeri Sembilan [biŋje?] ‘ambil dengan tiga hujung jari’

\*ŋg > Muar [tuŋgol] ‘tunggul’, Melaka [aŋgola] ‘tali atau jaring lama yang dipintal’, Negeri Sembilan [bəcəŋgaŋ] ‘berpisah’

\*ŋk > Jugra [aŋku?aŋku?] ‘angkut-angkut’, Melaka [bəŋyoŋkoy] ‘bergugus-gugus’, Negeri Sembilan [aŋka] ‘badan yang panas’.

#### Cabang Semenanjung Utara

\*mb > Perak [bəkəmbat] ‘papan yang berinjut apabila dipijak’, Kedah [ambã? ambã?] ‘bekas air wangi yang digunakan semasa majlis kahwin’

\*mp > Perak [hampeh] ‘perangai/perbuatan buruk’, Kedah [campen] ‘tergendala’

\*nt > Perak [bantə] ‘putera sultan yang lahir ketika ayahnya masih memerintah’, Kedah [ɛntəŋ] ‘hormat, peduli’

\*nd > Perak [bundi] ‘liang lahat’, Kedah [dəndan] ‘memintal, menganyam’

\*ŋc > Perak [əŋce?] ‘panggilan kepada ibu’, Kedah [məŋcalay] ‘melompat dengan cara luar biasa’

\*ŋj > Perak [aŋjaŋ] ‘panggilan untuk anak kelima’, Kedah [jinjat] ‘berdiri dengan hujung kaki’

\*ŋk > Perak [biŋkeh] ‘jadi kaya dengan tiba-tiba’, Kedah [məŋkala] ‘bila’

\*ŋg > Perak [aŋgɔ] ‘agaknya’, Kedah [kəŋkat] ‘tempang’

## Cabang Semenanjung Timur

Seperti yang telah dinyatakan, situasi di Semenanjung Timur lebih kompleks. Hal ini dikatakan demikian kerana gejala nasal homorganik dalam dialek di wilayah ini melibatkan kedua-dua rumus ii(a) dan ii(b).

Dialek Melayu Pahang umpamanya, termasuk juga kebanyakan kawasan yang menuturkan dialek Melayu Hulu Pahang (daerah Kuala Lipis dan sebahagian daerah Jerantut dan daerah Raub), serta dialek Melayu Hulu Tembeling, masih mengekalkan nasal homorganik bahasa Malayik purba sebagaimana yang wujud dalam dialek Melayu Cabang Semenanjung Selatan dan Cabang Semenanjung Utara. Tidaklah dapat dipastikan faktor utama yang menyebabkan persamaan ini melainkan pertembungan linguistik seperti yang pernah dihujahkan oleh Asmah (2008) di Kuala Lipis dan Mohd Tarmizi (2018, 2019) di Hulu Pahang secara keseluruhannya.

Lain pula keadaannya dalam dialek-dialek Melayu pantai timur yang selebihnya. Dialek Melayu Kelantan, dialek Melayu Hulu Kelantan, dialek Melayu Terengganu dan dialek Melayu Hulu Terengganu umpamanya memperlihatkan pengguguran segmen nasal, khususnya jika konsonan ini hadir sebelum konsonan letupan dan letusan tidak bersuara. Akan tetapi, konsonan ini dikekalkan jika hadir sebelum konsonan letupan dan letusan bersuara. Hal ini dapat diperhatikan dalam Jadual 2 di bawah.

**JADUAL 2:** Struktur nasal homorganik di Semenanjung Timur

PM	Kelantan/Hulu Kelantan dan Terengganu/Hulu Terengganu, Hulu Dungun	Pahang, Hulu Pahang dan Hulu Tembeling
*mp	Øp	mp
*mb	mb	mb
*nt	Øt	nt
*nd	nd	nd
*ŋc	Øc	ŋc

*nj	nj	nj
*ŋk	Øk	ŋk
*ŋg	ŋg	ŋg

Contoh:<sup>3</sup>

\*mp > Pasir Mas dan Gaal [tu:pɛ] ‘tumpang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [tu:paŋ],  
Pasir Raja [ma:poh] ‘mampus’, Pahang [ampoh] ‘sesuatu yang ditenggelami air’,  
Sentang [tumpa:] ‘tumpang’, Hulu Tembeling [tumpa?] ‘tumpang’

\*mb > Pasir Mas dan Gaal [tambɛ] ‘tambang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [tambaŋ],  
Pasir Raja [tambəh] ‘tambah’, Pahang [bəyambi] ‘melakukan sesuatu pekerjaan dengan  
berhati-hati’, Sentang [tamba:] ‘tambang’, Hulu Tembeling [tamba?] ‘tambang’

\*nt > Pasir Mas dan Gaal [pa:tɛ] ‘pantang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [pa:taŋ]  
‘pantang’, Pasir Raja [na:ti] ‘nanti’, Pahang [kantan] ‘kayu penyelak pintu’, Sentang  
[panta:] ‘pantang’, Hulu Tembeling [panta?] ‘pantang’

\*nd > Pasir Mas [yɛndɛ] ‘rendang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [pandaŋ] ‘pandang’,  
Pasir Raja [tando?] ‘tanduk’, Pahang [bəndəŋ] ‘keadaan api yang sangat marak’, Sentang  
[panda:] ‘pandang’, Hulu Tembeling [panda?] ‘pandang’

\*nc > Pasir Mas dan Gaal [ci:cɛ] ‘cincang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [ci:caŋ]  
‘cincang’, Pasir Raja [ca:ceŋ] ‘cacing’, Pahang [baŋcoh] ‘lantai atau padang yang berair’,  
Sentang [cipca:] ‘cincang’, Hulu Tembeling [cipca?] ‘cincang’

<sup>3</sup> Contoh dialek Melayu Pahang dan beberapa dialek Melayu Kelantan (Pasir Mas) serta dialek Melayu Pasir Raja yang dipaparkan di sini tidak sejajar dengan contoh-contoh dialek lain, kerana yang ditekankan di sini ialah kewujudan bentuk nasal homorganik. Maksudnya, walaupun contohnya berbeza, tetapi kewujudan nasal homorganik masih terserlah. Jadi, hal ini tidaklah mengganggu contoh-contoh lain yang berbeza itu.

\*pj > Pasir Mas dan Gaal [panjɛ] ‘panjang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [panjan] ‘panjang’, Pasir Raja [panjan] ‘panjang’, Pahang [bonjɔt] ‘memuncangkan mulut’, Sentang [panja:] ‘panjang’, Hulu Tembeling [panja?] ‘panjang’

\*ŋk > Pasir Mas dan Gaal [ka:kɛ] ‘kangkang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [ka:kan] ‘kangkang’, Pasir Raja [ka:kan] ‘kangkang’, Pahang [baŋket] ‘seseorang yang bertingkah laku kurang sopan’, Sentang [kaŋka:] ‘kangkang’, Hulu Tembeling [kaŋka?] ‘kangkang’

\*ŋg > Pasir Mas [peŋga] ‘kata berganda untuk pecah’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [pangaŋ] ‘panggang’, Pasir Raja [tungu] ‘tunggu’, Pahang [caŋgit] ‘kayu bercabang pada galah pengait buah’, Sentang [panga:] ‘panggang’, Hulu Tembeling [paŋga?] ‘panggang’

Terdapat satu contoh yang menunjukkan penyimpangan daripada struktur \*ŋg > ŋg ini khususnya dalam dialek Melayu di Pasir Raja. Rakaman perbualan yang berdurasi 1 jam 8 minit yang dilakukan pada Ogos 2019 menunjukkan kewujudan contoh [təgəlaŋ] ‘tenggelam’ (Mohd Tarmizi, manuskrip). Contoh ini menunjukkan \*ŋg > ØK. Perhatian rambang terhadap pertuturan beberapa orang penutur dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Terengganu yang ditemui di lapangan juga memperlihatkan perubahan yang serupa dengan contoh tersebut. Maka, ‘tenggelam’ pun disebut sebagai [təgəle] di Kelantan dan [təgəlaŋ] di Terengganu. Penjelasan yang mungkin boleh dikemukakan untuk kekecualian ini ialah perubahan \*ŋg > ØK terjadi dalam leksikal tiga suku kata. Dalam leksikal dua suku kata, perubahan seperti ini tidak berlaku. Walau bagaimanapun penjelasan ini memerlukan data yang lebih banyak memandangkan semua daftar kata yang dikumpul di lapangan tidak membekalkannya.

Satu kesimpulan dapat dibuat berdasarkan maklumat yang dipaparkan ini ialah gejala nasal homorganik membolehkan dialek Melayu di Semenanjung dipecahkan kepada dua kelompok. Kelompok pertama ialah dialek-dialek yang menginovasikan beberapa aspek nasal homorganik bahasa Malayik purba. Kelompok ini terdiri daripada dialek Melayu yang terdapat di Kelantan dan di Terengganu. Kelompok kedua pula ialah dialek Melayu yang memperlihatkan retensi nasal homorganik bahasa Malayik purba. Kelompok ini terdiri daripada dialek Melayu

Cabang Semenanjung Selatan dan Cabang Semenanjung Utara, serta dialek Melayu yang terdapat di Pahang.

## 6.0 NASAL HOMORGANIK DI BUDU

Walau bagaimanapun, kesimpulan yang dibuat di atas tidak menggambarkan kenyataan sebenar mengenai nasal homorganik dalam dialek Malayik di Semenanjung. Menurut Mohd Tarmizi (2019), di Budu, iaitu sebuah perkampungan kecil berhampiran pekan Benta, di Kuala Lipis, Hulu Pahang, wujud satu gejala yang sangat aneh jika diukur menggunakan struktur nasal homorganik yang terkandung dalam Jadual 2. Perhatikan contoh di bawah:

[tumpā:] ‘tumpang’

[tamā:] ‘tambang’

[pantā:] ‘pantang’

[panā:] ‘pandang’

[cincā:] ‘cincang’

[panjā:] ‘panjang’

[kaŋkā:] ‘kangkang’

[paŋā:] ‘panggang’

Apakah yang boleh disimpulkan berdasarkan contoh-contoh ini? Mohd Tarmizi (2019) menegaskan bahawa nasal homorganik dalam subdialek Budu terbina daripada struktur yang berikut:

\*mp > mp

\*mb > mØ

\*nt > nt

\*nd > nØ

\*ŋc > nc

\*ŋj > njØ

\*ŋk > nk

\*ŋg > ɳ∅

Berdasarkan struktur ini, rumus nasal homorganik subdialek Budu ialah pengguguran segmen kedua selepas konsonan nasal terjadi pada konsonan letupan dan letusan. Kedua-dua konsonan selepas nasal ini mestilah berciri [+suara]. Maka, konsonan MP \*b, \*d, \*j dan \*g dan mengikuti konsonan nasal MP \*m, \*n, \*n dan \*n digugurkan. Faktor yang melatarbelakangi gejala ini ada dibincangkan dalam Mohd Tarmizi (2019), jadi makalah ini tidak akan mengulanginya. Walau apapun, yang perlu menjadi perhatian khusus di sini ialah struktur nasal homorganik di Budu dan kawasan sekitarnya ternyata berbeza dengan struktur nasal homorganik dalam dialek Melayu Kelantan/Hulu Kelantan dan dialek Melayu Terengganu/Hulu Terengganu yang menggugurkan konsonan nasal sebelum konsonan letupan dan letusan yang berciri [-suara].

Selain itu, pengguguran konsonan letupan dan letusan [+suara] dalam nasal homorganik di Budu dan kawasan sekitarnya turut berbeza dengan struktur nasal homorganik yang sedia ada seperti yang muncul dalam dialek Melayu Cabang Semenanjung Selatan, Cabang Semenanjung Utara serta dialek Melayu Pahang/Hulu Pahang sendiri.<sup>4</sup> Maka, subdialek Budu dan kawasan-kawasan sekitarnya seperti Chat, Peruang, Tualang Padang, Terap, Kemahang, Tanjung Besar dan Jerangsang berada dalam cabang yang tersendiri jika diletakkan dalam kelompok dialek Semenanjung Timur.

## 7.0 PERBINCANGAN: PERKEMBANGAN BERTAHAP DAN PENGELOMPOKAN


Proses fonologi yang terjadi terhadap nasal homorganik dalam dialek Melayu Semenanjung memperlihatkan satu keadaan, bahawa alur perkembangannya daripada nasal homorganik bahasa Malayik purba kepada dialek semasa terjadi secara bertahap. Dengan bertahap, hal ini membawa maksud perkembangannya terjadi secara *gradual*, atau secara sedikit demi sedikit, seolah-olah ianya berpindah perlahan-lahan dari satu kawasan ke kawasan yang lain sejajar dengan prinsip

<sup>4</sup> Walau bagaimanapun, tidak semua nasal homorganik dalam subdialek Budu mematuhi rumus ini. Antaranya, \*tembak > [tembe?], [sumbe:] 'sumbing', \*tanduk > [tando?], [apje:] 'anjing', [taŋgo?] 'sejenis alat untuk menangkap ikan'; rujuk Mohd Tarmizi (2018). Maksudnya, rumus nasal homorganik yang diberikan ini hanya beroperasi apabila diikuti oleh vokal /a/ yang berakhir dengan nasal velar. Selain daripada ini, rumus tersebut gagal beroperasi.

yang terdapat dalam teori gelombang.<sup>5</sup> Secara tersirat, perkembangan seperti ini membayangkan pula kewujudan dialek yang konservatif dan dialek yang inovatif seperti yang pernah dibangkitkan oleh Mohd Tarmizi (2018a,b). Dalam hal ini, dialek konservatif ialah dialek yang kekal dengan struktur asal nasal homorganik bahasa Malayik purba; manakala dialek inovatif ialah dialek yang mengubah struktur asal tersebut.

Perkembangan secara *gradual* juga menunjukkan bahawa trajektori perubahan nasal homorganik bahasa Malayik purba bermula daripada dialek Melayu yang terdapat dalam Cabang Semenanjung Selatan dan Cabang Semenanjung Utara sebelum tiba kepada dialek Melayu Pahang, dialek Melayu Hulu Pahang dan dialek Melayu Hulu Tembeling. Daripada dialek Melayu Cabang Semenanjung Timur ini, muncul pula dua jalur perubahan. Jalur pertamanya ialah perubahan yang terjadi dalam dialek Melayu Kelantan/Hulu Kelantan dan dialek Melayu Terengganu Pantai/Hulu Terengganu/Hulu Dungun. Jalur keduanya pula ialah perubahan yang terjadi dalam subdialek Budu dan kawasan-kawasan sekitarnya. Perkembangan ini dapat digambarkan dalam Rajah 1 di bawah.

**RAJAH 1:** Perkembangan bertahap nasal homorganik dalam dialek Melayu Semenanjung



<sup>5</sup> Teori gelombang dalam dialektologi dan linguistik sejarawi secara umumnya menegaskan bahawa penyebaran dialek berpunca daripada satu titik pusat, kemudian berkembang kepada kawasan sekitarnya. Teori ini menggunakan analogi sekutul batu yang dicampakkan ke dalam air. Tempat batu jatuh dianggap sebagai pusat, dan gelombang yang terhasil ialah kawasan penyebaran.

Dialek Melayu Kelantan	
Dialek Melayu Hulu Kelantan	
Dialek Melayu Terengganu	Subdialek Budu
Dialek Melayu Hulu Terengganu	
Dialek Melayu Hulu Dungun	

Huraian rajah adalah seperti yang berikut:

- i. Retensi nasal homorganik bahasa Malayik purba terjadi dalam Cabang Semenanjung Selatan dan Cabang Semenanjung Utara;
- ii. retensi dalam cabang selatan dan utara tiba di Pahang; dan,
- iii. dari Pahang, retensi nasal berlanjutan ke Terengganu dan Kelantan, tetapi berinovasi di Budu dan kawasan sekitarnya.

Dari segi pengelompokan, perkembangan seperti ini menunjukkan bahawa dialek Melayu di Selatan dan Utara Semenanjung, selain dialek Melayu Pahang, dialek Melayu Hulu Pahang serta dialek Melayu Hulu Tembeling, merupakan dialek konservatif. Semua dialek ini dikatakan konservatif kerana mengekalkan atau meretensikan bentuk nasal homorganik bahasa Malayik purba. Dialek Melayu di sebelah timur Semenanjung, khususnya dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Hulu Kelantan serta dialek Melayu Terengganu Pantai, dialek Melayu Hulu Terengganu dan dialek Melayu Hulu Dungun pula adalah dialek yang inovatif. Hal ini adalah kerana dialek-dialek ini memperlihatkan perubahan terhadap bentuk nasal homorganik bahasa Malayik purba. Begitu juga dengan subdialek Budu yang termasuk juga dalam dialek inovatif kerana memiliki inovasi dalam nasal homorganik.

Persoalannya, antara subdialek Budu dengan dialek Melayu di Kelantan dan Terengganu, yang manakah berinovasi lebih awal? Makalah ini masih belum berupaya memberikan jawapan yang tuntas disebabkan kekurangan data. Walau bagaimanapun, dalam sebuah makalah yang lain, Mohd Tarmizi (2019) ada mencadangkan bahawa isu inovasi nasal homorganik yang terjadi

dalam subdialek Budu tidak boleh diselesaikan jika hanya bersandarkan pada bukti linguistik semata-mata. Isu ini sebaliknya perlu mempertimbangkan bukti sosiosejarah dan sosiolinguistik, atau dengan kata lainnya, perlu mempertimbangkan faktor kontak yang melibatkan dialek Melayu Kelantan yang telah sekian lama berdampingan dengan subdialek Budu. Faktor kontak ini disandarkan pada alasan bahawa terdapat ramai para penghijrah dari Kelantan yang pernah bermustautin di Budu, bahkan ramai di antara mereka yang menduduki tingkat sosial yang tinggi.

Jika cerapan yang dicadangkan ini tepat, maka kemungkinan yang boleh diambil sebagai jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan ialah subdialek Budu dapat digolongkan sebagai subdialek yang paling inovatif. Hal ini dikatakan demikian kerana inovasi nasal homorganik yang terjadi di Budu adalah berpunca daripada dialek Melayu Hulu Kelantan. Logik yang mendasari kemungkinan ini ialah inovasi nasal homorganik di Budu tidak tersebar secara meluas dalam sistem linguistiknya, sebaliknya terbatas pada lingkungan yang sangat khusus, iaitu NK yang diikuti dengan \*-anj. Inovasi nasal homorganik tidak terjadi dalam bentuk yang lain, seperti yang ditegaskan dalam nota kaki nombor 2.

## 8.0 KESIMPULAN

Makalah ini secara sederhana telah membincangkan perihal gejala nasal homorganik dalam dialek-dialek Melayu Semenanjung berdasarkan data primer dan data sekunder. Daripada perbincangan tersebut, terdapat sekurang-kurangnya dua kesimpulan yang boleh ditampilkan sebagai penutup makalah ini.

Kesimpulan pertama ialah gejala nasal homorganik sebenarnya ternyata sangat kompleks. Gejala ini tidak sekata kerana masih ada nasal homorganik dalam dialek Melayu yang belum didokumentasikan. Disebabkan kompleksitinya selain masalah dokumentasi yang dinyatakan, maka rumus yang sedia ada gagal beroperasi dengan sempurna dalam semua dialek khususnya dalam subdialek Budu dan kawasan di sekitarnya. Oleh sebab itu, rumus yang sedia ada itu perlu diperbaiki supaya berupaya menjelaskan gejala yang muncul dalam subdialek tersebut. Walau bagaimanapun, makalah ini tidak pula tiba pada analisis tahap ini memandangkan maklumatnya masih belum menyeluruh.

Kedua, disebabkan kompleksitinya juga, maka pengelompokan dialek Melayu Semenanjung juga kelihatan bermasalah. Isu yang berkaitan dengan pengelompokan ialah bagaimakah mengelompokkan dialek yang memperlihatkan gejala nasal homorganik yang berbeza? Jikalau diterapkan juga pengelompokan yang sedia ada, maka kenyataan yang dibawa oleh gejala nasal homorganik itu akan gagal diserahkan terutamanya menerusi rajah pohon. Pengelompokan yang agak relevan untuk dikedepankan dalam kajian yang akan datang barangkali sangat akrab dengan teori gelombang. Isu ini secara nyata menunjukkan bahawa dialek Melayu Semenanjung masih memerlukan satu pengelompokan baharu yang lebih berdaya menyerlahkan aspek rantaian dialek berbanding dengan pengelompokan yang membayangkan hubungan dialek yang terputus-putus seperti yang dibayangkan oleh rajah pohon itu.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. 2006. *Sintaksis Dialek Kelantan*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Adelaar, Karl. A. 1992. *Proto-Malayic: The Reconstructions of Phonology and Parts of Its Morphology and Lexicon*. Pacific Linguistics series. Canberra: Australian University Press.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Blust, R. 2013. *The Austronesian languages*. Edisi kedua. <http://pacling.anu.edu.au/materials/Blust2013Austronesian.pdf>.
- Collins, J. T. 1983a. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. 1983b. Dialek Pahang: Rangka Pengenalan. Bahagian I dan II. *Dewan Bahasa* 27: 7-29; 99-118.
- Collins, J. T. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Collins, J. T. 2016. *Wibawa Bahasa: Kepiawaian dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crowley, T. dan Bowern, C. 2010. *An Introduction to Historical Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Farid M. Onn. 1980. *Aspects of Malay phonology and morphology: a generative approach*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Glosari Dialek Melayu Kedah*. 2015. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari Dialek Melayu Melaka*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari Dialek Melayu Perak*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari Dialek Melayu Pahang*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari Dialek Melayu Negeri Sembilan*. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Tarmizi Hasrah. 2018a. *Analisis Sejarah dan Perkembangan Fonologi Dialek Melayu di Bahagian Timur Semenanjung Malaysia*. Tesis doktor falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah. 2018b. Dialek Melayu Hulu dan Hilir di Timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 18(1):65-102.
- Mohd Tarmizi Hasrah. 2019. Penasalan Vokal di Hulu Pahang. *Jurnal Bahasa*.
- Mohd Tarmizi Hasrah. t.t. *Dialek Melayu Hulu di Semenanjung Timur*. Manuskrip.
- Mohd Tarmizi Hasrah. t.t. *Dialek Melayu di Pasir Raja*. Manuskrip.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman dan Shahidi A.H. 2014. *Fosil Dialek Melayu Hulu Pahang*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moulton, W. G. 1968. Structural Dialectology. *Language*, vol. 44(3): 451-466.
- Nik Safiah Karim. 1966. Loghat Kelantan: Huraian Fonologi dan Catitan Pendek Mengenai Sifat-sifat Umumnya. *Dewan Bahasa*, jilid x, 6: 4-8.
- Nik Safiah Karim. 1967. Meninjau Beberapa Aspek Fonologi Loghat Kelantan. *Dewan Bahasa*, jilid xi, 8: 22-25.
- Noor Azureen Hamid dan Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2017. Asimilasi Homorganik Nasal Dialek Melayu Saribas. *GEMA Online: Journal of Language Studies*, vol 17(2): 192-218.  
<http://doi.org/10.17576/gema-2017-1702-12>

- Nothofer, B. 1993. Cita-cita Penelitian Dialek. Dalam. Farid M. Onn & Ajid Che Kob (pnyt.). *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trudgill, P. 2011. *Sociolinguistic Typology: Social Determinants of Linguistics Complexity*. Oxford: Oxford University Press.
- Zaharani Ahmad. 2004. Kata Pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu: Suatu Perbandingan Fonologi. *Jurnal Bahasa* 4(4): 705-723.